

T/T Pembuka Sebutharga

T/T Pembuka Sebutharga



**JABATAN KERJA RAYA NEGERI SELANGOR  
NASKAH DOKUMEN SEBUTHARGA  
NEGERI  
PERUNTUKAN : MARRIS**

**KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI  
JALAN MAAROF, SEKSYEN 0.00 HINGGA SEKSYEN 1.70 DAERAH SABAK BERNAM,  
SELANGOR.**

**NO SEBUTHARGA: 49 /2016  
G2 (CE01 DAN CE21)**

**TARIKH JUAL : 28.10.2016  
TARIKH AKHIR : 03.11.2016  
TARIKH TUTUP : 04.11.2016**

**CE01 - PEMBINAAN JALAN DAN PAVMEN ( PEMBINAAN, PENYENGGARAAN  
DAN PEMBAIKAN JALAN DAN PAVMEN TERMASUK BAHU JALAN  
DAN LALUAN PEJALAN KAKI.**

**CE21 - PEMBINAAN KEJURUTERAAN AWAM ( KERJA-KERJA PEMBINAAN,  
PENYENGGARAAN DAN PEMBAIKAN APA-APA BINAAN  
KEJURUTERAAN AWAM)**



**PEJABAT JURUTERA DAERAH  
JKR SABAK BERNAM.  
NO TEL : 03-322402581**

## ISI KANDUNGAN SEBUTHARGA

BIL	PERKARA
1.0	Borang Sebutharga
2.0	Notis Sebutharga
3.0	Arahan Kepada Penyebutharga
4.0	Syarat-syarat Sebutharga / Syarat-syarat Kontrak
5.0	Peruntukan Khas Sebutharga
6.0	Lampiran 1A dan 1B ( <i>Wajib Dikembalikan</i> )`
7.0	Borang Sebutharga Kerja Lampiran A3 ( <i>Wajib Dikembalikan</i> ) <i>Ringkasan Sebutharga (Wajib Dikembalikan)</i>
8.0	Program Kerja
9.0	BQ Kerja
10.0	Spesifikasi (Jika Ada)
11.0	Spesifikasi Adenda (Jika Ada)
12.0	Maklumat Am Penyebut Harga ( <i>Wajib Dikembalikan</i> )
13.0	Borang CA dan CA1 ( <i>Wajib Dikembalikan</i> )
14.0	Pelan Tapak Bina & Lukisan (Jika Ada)

## SENARAI SEMAKAN (BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)

Sila tandakan [✓] Bagi Dokumen-dokumen yang Disertakan.

BIL	PERKARA / DOKUMEN	UNTUK DI TANDA OLEH SYARIKAT	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian (SSM) Kewangan ( <b>Bekalan / Perkhidmatan/Kerja</b> )		
2.	Salinan <b>Sijil Perolehan Kerja kerajaan</b> Dari CIDB – <b>Sebutharga G1 dan G2</b>		
3.	Salinan <b>Perakuan Pendaftaran (Kerja)</b> Dari CIDB – <b>Sebutharga G1 dan G2</b>		
4.	Salinan <b>Sijil Taraf Bumiputra</b> Dari Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan ( <b>PKK (Kerja) – Sebutharga G1 dan G2</b> )		
5.	<b>Salinan Pendaftaran UPEN</b> (Wajib Bagi Sebutharga Peruntukan Negeri) – <b>Sebutharga G1 dan G2</b>		
6.	<b>Salinan Sijil Kompetensi Penyelia Tapak</b> dari IKRAM atau Badan lain yang Diiktiraf ( <b>G2 SAHAJA</b> )		
7.	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (Termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan ditandatangani. ( <b>BQ</b> ) – <b>Sebutharga G1 dan G2</b>		
8.	Borang Maklumat Penyebut Harga <b>Sebutharga Bekalan &amp; Perkhidmatan, G1 Dan G2</b>		
9.	Borang Sebut Harga Kerja (Lampiran A3) <b>Sebutharga Bekalan &amp; Perkhidmatan, G1 Dan G2</b>		
10.	Penyata kewangan 3 Bulan Terkini UNTUK <b>SEBUTHARGA RM 200,000.00</b> ke atas atau Borang CA ( <b>Sebutharga G2 Sahaja</b> )		
11.	Borang Program Kerja Sebutharga (Wajib Diisi) – <b>Sebutharga G1 dan G2</b>		
12.	Lampiran 1A DAN 1B (AKUAN PEMBIDA & PEMBIDA BERJAYA) <b>Sebutharga Bekalan &amp; Perkhidmatan, G1 Dan G2</b>		
13.	Resit Pembelian Sebutharga Online (Wajib Disertakan) melalui laman sesawang <a href="https://tender.selangor.my">https://tender.selangor.my</a>		
14.	Cadangan Penyelenggaraan /Penyelenggaraan (jika perlu)		
15.	Lain-lain yang berkaitan <b>BORANG CA DAN CA1 ( - Bagi Sebutharga G2 Sahaja)</b>		

## PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebutharga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan: .....

Nama: .....

Jawatan: .....

Tarikh: .....

## UNTUK KEGUNAAN JABATAN

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil :.....(Jika Ada)

Tandatangan: .....

Nama: .....

Jawatan: .....

Tarikh: .....

Tandatangan: .....

Nama: .....

Jawatan: .....

Tarikh: .....



JABATAN KERJA RAYA DAERAH SABAK BERNAM,  
SABAK BERNAM,  
45300 SUNGAI BESAR.

TEL. No: 03-32242581

## Sebutharga No.49/2016

Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor Bumiputra yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)** dalam **Gred G2, Kategori CE, Pengkhususan CE01 DAN CE21 Bertaraf Bumiputera** berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor Dan **Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) BAGI DAERAH DI NEGERI SELANGOR SAHAJA** yang dibenarkan menyertai sebutharga ini. Sebutharga akan mula dijual **SECARA ONLINE SAHAJA** di laman sesawang <https://tender.selangor.my> mulai **28.10.2016** sehingga **03.11.2016** dan hendaklah dikembalikan sebelum **04.11.2016** jam 12.00 Tengahari di **PEJABAT JKR SABAK BERNAM**.

### **KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN MAAROF, SEKSYEN 0.00 HINGGA SEKSYEN 1.70 DAERAH SABAK BERNAM, SELANGOR.**

Nama Kontraktor : \_\_\_\_\_  
Alamat : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
No.Telefon : \_\_\_\_\_ No.Resit: \_\_\_\_\_

Tuan,

Pejabat ini menjemput tuan mengemukakan sebutharga untuk kerja di atas. Sila masukkan Borang Sebutharga yang telah diisi di dalam sampul surat yang telah dimeterai dan alamatkan kepada pejabat yang mengeluarkan borang tersebut.

2. Sampul surat tersebut hendaklah dicatitkan nombor sebutharga dan tarikh tutup yang tercatat seperti di atas.

b.p Jurutera Daerah,  
Jabatan Kerja Raya,  
Daerah Sabak Bernam



PEJABAT : JURUTERA DAERAH SABAK BERNAM

**NOTIS SEBUTHARGA**  
**SEBUTHARGA 49/2016**

**KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI  
JALAN MAAROF, SEKSYEN 0.00 HINGGA SEKSYEN 1.70 DAERAH SABAK BERNAM,  
SELANGOR.**

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Pusat Khidmat Kontraktor** dalam **Gred G2, Kategori CE, Pengkhususan CE01 Dan CE21 Bertaraf Bumiputra Dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** dalam **Gred dan kategori yang berkaitan BAGI DAERAH SELANGOR SAHAJA** yang dibenarkan untuk menghadiri taklimat dan membeli dokumen sebutharga.
2. Borang Sebutharga boleh didapati mulai tarikh **28.10.2016** hingga **03.11.2016** secara **ONLINE SAHAJA** di lawan Web <https://tender.selangor.my>. Bayaran yang dikenakan adalah sebanyak **RINGGIT MALAYSIA LIMA PULUH SAHAJA (RM 50.00)** melalui kemudahan Kad Kredit Visa , Master Kad dan FPX.
3. Taklimat sebutharga akan diadakan pada ketetapan seperti berikut:

**Tarikh Taklimat : 27 Oktober 2016 (Khamis)**  
**Masa Pendaftaran : 08.15 pagi hingga 09.15 pagi**  
**Masa Taklimat : 09.20 pagi**

**(Pihak kontraktor yang hadir lewat dari masa yang telah ditetapkan TIDAK DIBENARKAN sama sekali untuk masuk ke dalam bilik taklimat dan menyertai sebutharga tersebut).**

**\*\* Taklimat ini DIWAJIBKAN bagi penama seperti yang terdapat dalam Lesen PPK,CIDB dan UPEN. Hanya Kontraktor yang hadir pada taklimat tersebut sahaja yang dibenarkan membeli dokumen sebutharga. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil PK2/2013 dan Surat Arahan KPKR Bil 5/2015.HanyaPenama didalam perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja (SPKK), PUKONSA,UPKL atau bagi Sebutharga Bekalan hanya Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak atau taklimat sebutharga dan tidak boleh sama sekali mewakilkan selain daripada Penama yang tertera dalam sijil.**

4. *Pemilik lesen hendaklah membawa Surat Pendaftaran Asal PPK,CIDB DAN salinan sijil berkenaan, Kad Pengenalan serta COP SYARIKAT bagi urusan pendaftaran tersebut.*

5. Dokumen yang telah dimuat turun hendaklah dibukukan dan senarai lampiran yang perlu disertakan hendaklah mematuhi sepertimana yang terdapat dalam senarai semakan.
6. Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan hendaklah mencatat No.Rujukan Sebutharga di sebelah penjuru kiri sampul tersebut. Dokumen hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebutharga di pejabat **JKR SABAK BERNAM** tidak lewat dari jam **12.00 Tengahari 04.11.2016**.

  
(HANAFI BIN ABDULLAH)  
Jurutera Daerah  
JKR Sabak Bernam

Tarikh : Oktober 2016

Sk.

- 1) Unit Ukur Bahan JKR Selangor.
- \* Potong Jika Tidak Berkenaan

Untuk Edaran:-

- 1) JKR Daerah Kuala Selangor
- 2) JKR Daerah Hulu Selangor
- 3) JKR Daerah Kuala Langat
- 4) JKR Daerah Hulu Langat
- 5) JKR Daerah Gombak
- 6) JKR Daerah Sepang
- 7) JKR Daerah Petaling
- 8) JKR Daerah Klang

## ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

### 1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA / MENOLAK SEBUTHARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.

### 2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUTHARGA.

#### 2.1 Kontraktor adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-

- a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebut Harga.
- b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebutharga,
- c) Senarai Kerja Dalam tangan,
- d) Jadual Kadar Harga (Jika Ada),
- e) Borang Akujanji Pembida, DAN Pembida Berjaya (*mengikut surat arahan KPKR bil 4/2010*).
- f) Butir-butir Spesifikasi (Jika Ada).

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

#### 2.2 Kontraktor dikehendaki mengemukakan dokumen-dokumen berikut bersama-sama Sebut Harganya (*Wajib disertakan bagi sebutharga bernilai melebihi RM200,000.00*).Bagi sebutharga Gred G2.

- a) Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank mengenai Wang Dalam Tangan Penyebut Harga bagi tiga **(03) bulan terakhir sebelum tarikh tutup sebutharga** dan disahkan oleh Cawangan Bank Berkenaan (Pengesahan ASLI) ATAU
- b) Laporan bank / institusi kewangan mengenai kedudukan kewangan Penyebut Harga atas format seperti **BORANG CA** dan **CA1** dalam satu sampul berlakri. Laporan tersebut hendaklah ditandatangani oleh pegawai yang ditauliahkan oleh pihak bank berkenaan (jika ada).

#### 2.3 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebutharga **49/2016**. Serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.
- b) Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- c) Sebut Harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

#### 2.4 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi Pegawai Inden untuk Penjelasan lanjut.



## 2.5 Dasar Kenaan GST

- 2.5.1 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 (Akta GST 2014) telah dikuatkuasakan mulai 1 April 2015. Oleh yang demikian, GST yang dikenakan akan dibayar kepada Petender / Penyebut Harga yang berdaftar GST.
- 2.5.2 Bagi tujuan tender/sebutharga ini, Petender hendaklah menawarkan Harga Tender / Sebutharga yang tidak ditambah nilai kenaan GST. Walaubagaimanapun, Petender / Penyebut Harga hendaklah mengambil kira dalam Harga Tender / Sebutharga apa-apa kos yang perlu dibayar kepada pembekal, subkontraktor dan pemberi khidmat apa-apa kos berkaitan dengan kenaan GST yang perlu dibayar oleh Petender / Penyebut Harga kepada pihak-pihak yang membekalkan khidmat kepadanya.
- 2.5.3 Sekiranya Petender / Penyebut Harga berdaftar GST, Surat Setuju Terima / Inden Kerja berdasarkan harga tawaran dengan tambahan nilai kenaan GST akan dikeluarkan kepada Petender / Penyebut Harga yang berjaya.
- 2.5.4 Sekiranya Petender / Penyebut Harga tidak berdaftar GST, tiada tambahan nilai kenaan GST akan dimasukkan.
- 2.5.5 Sekiranya Petender / Penyebut Harga berdaftar GST semasa kerja sedang berjalan, kontraktor hendaklah memaklumkan status pendaftaran dan memohon pelarasan bagi tambahan kenaan GST dan menuntut kenaan GST dengan syarat kerja semasa masih berkuatkuasa bagi baki perolehan yang belum disempurnakan.  
(Rujukan: Surat Arahan KPKR Bil 19/2015 bertarikh 7.10.2015)

## 3. TEMPOH SIAP KERJA\*

Tempoh siap MAKSIMA bagi kerja ini adalah **05** minggu.

## 4. BAYARAN DOKUMEN SEBUT HARGA\*\*

Dokumen Sebut Harga ini dijual dengan harga **RM 50.00 Ringgit Malaysia Lima Puluh Sahaja**.

## 5. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUTHARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebut harga sendiri.

## 6. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut Harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut Harga tidak boleh menarik balik Sebut Harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

## 7. KADAR HARGA ITEM UTAMA ( BAGI SEBUTHARGA JALAN SAHAJA).

Surat Edaran JKR Selangor Bil **JN.SEL(UB)11/07 Jld.3 (43)** bertarikh **5 November 2015** adalah berkaitan. Penyebutharga adalah **DIWAJIBKAN** supaya menggunakan jadual kadar harga bagi **HARGA ITEM UTAMA** mengikut seperti yang terdapat di dalam jadual yang telah ditetapkan oleh **TUAN JURUTERA DAERAH JKR SABAK BERNAM**. Kegagalan kontraktor mematuhi arahan ini akan dikira **GAGAL** penilaian teknikal jabatan.

**HARGA BAHAN UTAMA YANG DITETAPKAN JKR SABAK BERNAM**

BIL	BAHAN UTAMA	HARGA /TAN RM	HARGA /M <sup>2</sup> RM	HARGA /M <sup>3</sup> RM
1.	PREMIX	RM150.00 -RM280.00	40MM = RM13.00 – RM26.00 50MM = RM15.00 – RM33.00 60MM = RM19.00 – RM39.00	
2.	CRUSHER RUN	RM 35.00 – RM 50.00	-	
3.	LATERITE		-	RM 35.00 – RM 60.00
4.	PASIR			RM 35.00 – RM 60.00

**8. KADAR HARGA MUNASABAH**

Kadar harga yang ditawarkan / dinyatakan mestilah harga yang munasabah untuk setiap item di dalam BQ dan sekiranya terdapat item kerja yang dinyatakan di dalam borang sebutharga tidak munasabah dan tidak dihargaikan oleh pihak penyebutharga, jawatankuasa sebutharga berhak menolak sebutharga tersebut. **(Pihak Jabatan tidak terikat kepada mana-mana penyebutharga yang menawarkan harga terendah).**

**9. PERBUATAN RASUAH**

Sebarang tawaran yang berbentuk rasuah atau lain-lain dorongan yang boleh mempengaruhi kedudukan petender akan menyebabkan Sebut Harga tersebut ditolak serta merta.

**10. PENYELIA TAPAK PROJEK.( BAGI KERJA JALAN YANG MELIBATKAN KERJA-KERJA TURAPAN SAHAJA) KHAS BAGI SEBUTHARGA G2 SAHAJA.**

- a) **Mulai September 2016** Pengurus Projek diwajibkan melantik kakitangan yang mempunyai sijil Kompetensi Turapan Jalan yang dianjurkan oleh **IKRAM** atau badan lain yang diiktiraf bagi mengawalselia kerja-kerja di tapak projek. Merujuk kepada surat yang dikeluarkan oleh JKR Selangor **Bil (9) dlm.JLN 630-1/1/3/1 JLD 18 Bertarikh 07 September 2016.**
- b) Nama Dan Salinan Sijil kakitangan tersebut perlu disertakan bersama borang sebutharga.
- c) Kontraktor perlu menawarkan kadar kos yang munasabah bersesuaian dengan kelulusan dan pengalaman untuk kakitangan penyeliaan tapak yang memiliki sijil tersebut di dalam jadual BQ sebutharga.
- d) Penyelia tapak hendaklah sentiasa mengawasi tapak projek.
- e) Seorang penyelia tapak **TIDAK DIBENARKAN** mengawasi lebih dari satu projek dalam masa yang sama.

**11. INSURAN**

Sebagaimana yang dinyatakan dalam Syarat-syarat Kontrak, Sebagai satu syarat terdahulu sebelum memulakan apa-apa kerja dibawah Kontrak, Petender mestilah mengambil dan mengemukakan insuran yang diperlukan kepada Pegawai Penguasa.

Merujuk kepada Pekeliling Pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Bil Tahun 2000 yang dikeluarkan pada 29 Febuari 2000, petender yang Berjaya hendaklah mengemukakan keperluan insuran seperti yang dinyatakan didalam kontrak insurance Brokers SDN.BHD (PIBSB) yang beralamatkan seperti Berikut:

**PNSB Insurance Brokers Sdn.Bhd,  
Tingkat 24, Wisma MBSA,  
40000 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.**

**Telefon: 603-55193271**

**Faks : 603-55193280**

**(HANYA UNTUK PROJEK NEGERI SAHAJA)**

**SEKIRANYA PIHAK KONTRAKTOR GAGAL MEMATUHI ARAHAN YANG DINYATAKAN, PIHAK JABATAN BERHAK UNTUK MENOLAK SEBUTHARGA TERSEBUT.**

---

\*\* Hendaklah diisi oleh Pegawai Mengurus Sebut Harga

\*\*\* Pengiraan harga dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat berdasarkan kadar yang ditetapkan bagi bayaran dokumen tender menerusi SPP yang terkini

## SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA

### 1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal – hal keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

### 2. BON PELAKSANAAN DAN INSURANS.

#### 2.1 Bon Pelaksanaan

2.1.1 Bon Pelaksanaan hendaklah dikenakan bagi perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang bernilai melebihi RM 200,000.00 mengikut peraturan yang berkuat kuasa. Sekiranya kontraktor tidak mengemukakan Bon Pelaksanaan bagi kontrak kerja, kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) hendaklah diguna pakai seperti mana ditetapkan dalam peraturan mengenai tatacara pengurusan tender yang berkuatkuasa. Bagi Kontrak kerja yang bernilai melebihi RM200,000.00, **kontraktor hendaklah mengemukakan bersama-sama dengan Surat Setuju Terima, Bon Pelaksanaan adalah sebanyak 5% daripada jumlah harga kontrak. (Ruj : SPP BIL 5 TAHUN 2007).**

2.1.2 Rujukan Surat Arahan KPKR Bil 19/2015. Perkara : **PINDAAN KEPADA SURAT ARAHAN KPKR BIL 10/2015 – GARIS PANDUAN PELAKSANAAN AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST) 2014 BAGI PEROLEHAN KERJA KERAJAAN** adalah berkenaan. **Klausula : 10.4 (WANG JAMINAN PELAKSANAAN)**

- (i) Sekiranya Kontraktor memilih Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) sebagai kaedah Bon Pelaksanaan, amaunnya adalah berdasarkan **5% daripada Harga Kontrak.**
- (ii) Potongan WJP dalam setiap bayaran interim adalah 10% daripada Bayaran Disyorkan sehingga mencapai 5% daripada Harga Kontrak. **(WJP telah termasuk Kenaan GST).**
- (iii) Bagi tujuan pelepasan, Perakuan Pelepasan Wang Jaminan Pelaksanaan adalah seperti di Lampiran L. Perakuan ini menunjukkan jumlah WJP yang perlu dibayar / dipulangkan kepada Kontraktor serta jumlah kenaan GST yang ada pada jumlah WJP tersebut.

#### 2.2 Insurans

2.2.1 Kontraktor hendaklah atas nama bersama kerajaan dan kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans kerja \*\* (Sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebut Harga ) bagi tempoh pelaksanaan kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod pendaftaran dengan PERKESO.

2.2.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan kerja. Bagaimanapun untuk tujuan memulakan kerja sahaja. Nota-nota Perlindungan dan resit - resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasal 9(d).

### 3. PERATURAN PELAKSANAAN KERJA

3.1 Kerja-karya yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butir – butir dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Inden atau Wakilnya.

\*3.2 Kerja-karya elektrik yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di perenggan 3.1 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:

- i. Suruhanjaya Tenaga
- ii. Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan
- iii. Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
- iv. Jabatan Bomba dan Penyelamat
- v. Pihak Berkuasa Tempatan.

### 4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

### 5. SUB-SEWA DAN MENYERAHHAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mensub-sewakan kerja kepada Kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahkan apa-apa faedah di bawah Inden ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

### 6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN.

6.1 Pegawai Inden atau wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Inden, memberi kepadanya baucer-baucer dan / atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.

6.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk tujuan ujian.

6.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

### 7. RINGKASAN SEBUT HARGA

7.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.

7.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos Pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sempurnanya.

7.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh kerja.

7.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahnannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.

7.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 7.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.

7.6 Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebutharga diselaraskan.

## 8.0 PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA

8.1 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnya dari Dokumen Sebut Harga itu.

8.2 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

## 9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

- a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- b) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah.
- c) Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah.
- d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
- e) Apabila Kontraktor diistiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

## 10. BAYARAN KEMAJUAN

Pegawai Inden dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.

## 11. KERJA PERUBAHAN

11.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebut harga ini.

11.2 Semua kerja perubahan dan / atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti / Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.

## 12. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)

12.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya **enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap**. Bagi kerja-kerja **mekanikal dan elektrik** dimana tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji-loji adalah dua belas (12) bulan dan dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada enam (6) bulan boleh dikenakan.

- 12.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebutharga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos kontraktor sendiri.
- 12.3 Sekiranya Kontraktor gagal memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos memperbaiki daribaki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki itu tiada tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantungkan pendaftaran Kontraktor, dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri / Ketua Jabatan, Bahagian Pembangunan Industri Pembangunan Bumiputra, kementerian Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan. Bagi kerja-kerja elektrik / mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Cawangan Kerja Elektrik / Pengarah Cawangan Kerja Mekanikal.
- 13. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP**  
Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurnanya dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor hendaklah mengembalikan Borang-borang Inden Kerja Asal iaitu Borang Perjanjian Inden Kerja JKR 58 dan Borang Pengesahan Penyiapan Inden Kerja JKR 58A kepada Pegawai Inden.
- 14. PERAKUAN SIAP KERJA**  
Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.
- 15. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN**  
Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.
- 16. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR**  
Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-Undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat lain.
- 17. KESALAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN**
- 17.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)
- 17.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau Balai Polis yang Berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)
- 17.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah dibawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

- 17.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan dibawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
18. **SPESIFIKASI KERJA.**
- 18.1 Tatacara kerja satu mutu / kualiti adalah tertakluk kepada Spesifikasi Kerja Piawai JKR dan juga Section 7 & 8 Jika Berkaitan.
19. **LAD (GANTIRUGI TERTENTU DAN DITETAPKAN).Jika Perlu mengikut kesesuaian projek**
- 19.1 Pengiraan LAD adalah : BLR Terkini/365 x 100% x harga kontrak.



# Dokumen Meja Terkawal

## PERUNTUKAN KHAS SEBUTHARGA (Jika Sebutharga lebih RM200,000.00 dan tempoh siap lebih 3 bulan)

### 1. BAYARAN PENDAHULUAN

Bagi kontrak kerja, bayaran pendahuluan boleh diberi sehingga **25%** daripada nilai kerja pembina (**builder's work**) atau maksimum **RM 100,000.00** mengikut mana yang lebih rendah.

#### 1.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Bagi mendapatkan kemudahan bayaran pendahuluan tersebut, syarat-syarat berikut hendaklah dipatuhi:-

- a) Dibenarkan bagi sebutharga yang bernilai **melebihi RM200,000.00 hingga RM500,000.00**.
- b) Inden Kerja telah ditandatangani dan dikeluarkan.
- c) Polisi-polisi insurans seperti yang dinyatakan dalam syarat-syarat sebutharga.
- d) Jaminan bagi bayaran Pendahuluan hendaklah dikemukakan seperti ditetapkan dalam AP200.2(b). Jaminan hendaklah sama nilainya dengan bayaran pendahuluan.
- e) Bayaran pendahuluan hendaklah dipohon pada peringkat awal sebutharga dan tidak melebihi satu (01) bulan dari tarikh Inden Kerja dimana berkaitan.
- f) Bayaran pendahuluan tidak dibenarkan jika tempoh siap sebutharga tidak melebihi (03) bulan.

### 2. BAYARAN BALIK PENDAHULUAN.

Bayaran balik pendahuluan hendaklah dibuat melalui potongan ke atas bayaran kemajuan mengikut peringkat kerja yang telah disempurna. Potongan hendaklah selesai dibuat selewat-lewatnya semasa projek siap pada tahap 75%.

#### 2.0 BON PERLAKSANAAN / WANG JAMINAN PERLAKSANAAN.

Bon Pelaksanaan hanya dikenakan bagi kontrak kerja yang **melebihi RM200,000.00**. Sebelum sesuatu kontrak kerja yang bernilai melebihi RM200,000.00 dimulakan, kontraktor hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak lima peratus (5%) daripada jumlah harga kontrak.

Kontraktor boleh memilih untuk mengambil Bon Pelaksanaan dalam bentuk Wang Jaminan Pelaksanaan untuk menggantikan wang tunai, Deposit Perbendaharaan, Draf Bank, Gerenti Bank atau Gerenti Insurans.

### 3. BAYARAN INTERIM

Kontraktor yang melaksanakan kontrak kerja secara sebutharga boleh diberi bayaran interim / kemajuan sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.

### 4. PERUBAHAN KERJA DAN PERLANJUTAN MASA UNTUK KONTRAK KERJA.

4.1 Perubahan Kerja **DIBENARKAN** sekiranya perlu tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- a. Peruntukan mencukupi;
- b. Kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga diperoleh terlebih dahulu sebelum perubahan kerja dilaksanakan. Seorang daripada ahli Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah terdiri daripada Pegawai Teknikal; dan
- c. Jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi **20% daripada nilai kontrak atau tidak melebihi RM100,000.00 mengikut mana yang terendah. Cadangan perubahan kerja terkumpul melebihi 20% daripada nilai kontrak atau RM100,000.00 hendaklah dirujuk untuk KELULUSAN KEMENTERIAN KEWANGAN terlebih dahulu**

4.2 Definisi dan kriteria Perubahan Kerja adalah sama seperti ditetapkan dalam AP202.

4.3 Perlanjutan masa bagi kontrak kerja bernilai melebihi **RM200,000.00 hingga RM500,000.00 DIBENARKAN** tertaklu kepada kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga terlebih dahulu.

**KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI  
JALAN MAAROF, SEKSYEN 0.00 HINGGA SEKSYEN 1.70 DAERAH SABAK BERNAM,  
SELANGOR.**

**1. KEHENDAK AM**

Spesifikasi tambahan ini hendaklah dibaca sama hubungan dengan spesifikasi Piawai, lukisan-lukisan (jika ada) dan syarat-syarat kontrak. Istilah spesifikasi yang digunakan adalah sama maksudnya dengan Spesifikasi Addenda dan Spesifikasi Piawai.

Sebarang percanggahan yang timbul di antara Spesifikasi Addenda dan Spesifikasi Piawai dan / atau lukisan kontrak dan / atau syarat-syarat kontrak, perkara-perkawa di bawah hendaklah digunakan.

- 1.1 Syarat-syarat Kontrak adalah lebih diutamakan dari lain-lain dokumen yang menjadi sebahagian daripada kontrak ini.
- 1.2 Spesifikasi Addenda adalah lebih diutamakan dari dokumen lain didalam kontrak melainkan Syarat-syarat Kontrak.
- 1.3 Lukisan-lukisan kontrak (jika ada) adalah lebih diutamakan daripada Spesifikasi Piawai.
- 1.4 Didalam lukisan kontrak (jika berkaitan), lukisan butiran berskala besar adalah lebih diutamakan daripada lukisan butiran berskala kecil.

**2. LOKASI TAPAK KERJA / PEMERIKSAAN TAPAK.**

Kerja-kerja yang akan dilaksanakan adalah di

.....  
Semua kontraktor adalah WAJIB melawat tapak untuk memastikan sendiri skop dan keadaan kerja- kerja yang terlibat kerana tuntutan tambahan tidak akan dibayar atas alasan kekurangan maklumat mengenai keadaan tapak oleh pihak kontraktor.

**3. GAMBAR FOTO KEMAJUAN KERJA**

Kontraktor hendaklah mengambil gambar-gambar kemajuan kerja sepanjang tempoh kontrak sepertimana yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa. Gambar-gambar tersebut tidak boleh diedarkan kecuali dengan kelulusan secara bertulis dari pihak JKR Daerah Sabak Bernam.

**4. PROGRAM KERJA.**

Kontraktor hendaklah menyerahkan kepada Pegawai Penguasa dua (2) salinan Program kerja untuk kelulusan dalam masa 1 minggu selepas penerimaan Surat Tawaran Sebutharga dikeluarkan. Program yang telah mendapat kelulusan hendaklah dikemaskini mengikut arahan Pegawai Penguasa.

**5. AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969**

Sekalipun terdapat apa-apa maklumat bertentangan terkandung di dalam mana-mana Dokumen kontrak, pihak kontraktor mestilah mengarahkan semua Sub- Kontraktor sama ada telah dilantik atau sebaliknya untuk mematuhi keperluan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 yang diperuntukkan dalam syarat-syarat kontrak. Kontraktor mestilah bertanggungjawab untuk menyerah kepada Pegawai Penguasa samada diminta atau tidak, nombor-nombor kod pekerja dari Sub-Kontraktor dan nombor-nombor Keselamatan Sosial, atau Lampiran Borang 2 atau 3, jika nombor-nombor Keselamatan Sosial tersebut belum lagi dapat diperolehi dari pekerja-pekerja yang bekerja dengan mereka.

## 6. **MESYUARAT TAPAK**

Kontraktor hendaklah sentiasa mengadakan mesyuarat-mesyuarat sesama sendiri, sesama Sub-Kontraktor yang terlibat, Pelanggan dan Pegawai Penguasa bagi tempoh pelaksanaan projek. Mesyuarat hendaklah diadakan ditempat yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Bilangan mesyuarat yang diadakan bergantung kepada Kemajuan Kerja.

## 7. **IKLAN**

Sebarang iklan atau keterangan tidak boleh dipamerkan ditapakbina atau lain-lain tempat tanpa kelulusan secara bertulis daripada Pegawai Penguasa.

## 8. **KENYATAAN AKHBAR**

Pihak kontraktor, pekerjanya atau wakilnya tidak dibenarkan membuat kenyataan akhbar atau keterangan yang boleh memburukkan pihak Kerajaan, Pegawai Penguasa dan kakitangannya. Kontraktor juga tidak dibenarkan member sebarang maklumat kepada pihak awam mengenai perihal kontrak ini sebelum atau sesudah kerja disiapkan.

## 9. **KEBERSIHAN DAN KESELAMATAN TAPAK KERJA**

Tapak kerja hendaklah sentiasa berada di dalam keadaan bersih pada setiap masa. Langkah-langkah keselamatan termasuk menyediakan papan tanda petunjuk / amaran hendaklah sentiasa diadakan bagi mencegah apa-apa kemalangan yang mungkin berlaku dan membahayakan orang awam dan pekerja pejabat.

## 10. **PENYEDIAAN / PENGAWASAN KERJA.**

Kontraktor perlu mengadakan seorang penyelia kerja di tapak kerja pada setiap masa bekerja. Ini adalah memudahkan Pegawai Penguasa member arahan atau teguran berhubung dengan mutu kerja berkenaan.

## 11. **PEMBERSIHAN TERHADAP KERJA-KERJA SEDIA ADA.**

Kontraktor adalah bertanggungjawab membersihkan tapak kerja serta membuang semua sampah dan bahan-bahan yang telah ditinggalkan / dirobuhkan setelah kerja-kerja siap dilaksanakan.

## 12. **KECACATAN TERHADAP KERJA-KERJA SEDIA ADA.**

Kontraktor adalah dinasihat supaya tidak merosakkan kerja-kerja yang sedia ada. Sebarang kecacatan yang telah berlaku dalam tempoh masa kerja-kerja dijalankan samada dengan sengaja atau tidak sengaja oleh pekerja-pekerja, pihak kontraktor adalah bertanggungjawab membaikinya seperti sedia ada dengan perbelanjaan sendiri.

## 13. **KAWALAN KESELAMATAN**

Kontraktor hendaklah bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan harta benda serta keselamatan orang ramai di tapak kerja. Iaitu dari hari pertama beliau memulakan kerja sehingga penyerahan tapak ke pihak pelanggan.

## 14. **BAHAN-BAHAN BINAAN YANG DIBEKALKAN.**

Bahan-bahan binaan yang dibekalkan mestilah mengikut spesifikasi pihak IKRAM atau SIRIM serta diluluskan oleh Pegawai Penguasa.

## 15. **SKOP KERJA DAN PROSES KERJA.**

Kontraktor hendaklah menyediakan pekerja dan semua peralatan yang diperlukan dalam melaksanakan semua skop kerja yang dinyatakan di Ringkasan Sebutharga dimana semua kosnya telah diambil kira dalam menghargakannya. Semua kerja hendaklah mengikut arahan Pegawai Penguasa, Lukisan-lukisan dan Spesifikasi serta hendaklah berkuantiti tinggi. Sila rujuk Tambahan Kepada Spesifikasi Adenda di mukasurat SA/4 hingga SA/8.

## 16. KUANTITI SEMENTARA.

Semua kuantiti dalam Ringkasan Sebutharga adalah Kuantiti Sementara. Pengukuran semula akan dilakukan untuk membuat pembayaran.

## SKOP DAN PROSES KERJA SA/4

### 1. **PENGUKURAN LALULINTAS.**

- i. Membekal dan menyediakan pasukan pengurusan lalulintas mengikut Plan Lalulintas yang disertakan. (Sila rujuk ATJ 2C/85 – Lampiran 1 hingga 6)
- ii. Menyediakan semua papan tanda sementara, kon dan blinkers semasa pembinaan untuk pasukan lalu lintas.
- iii. Pekerja kawalan lalulintas hendaklah dilengkapi dengan “vest” keselamatan, bendera merah dan hijau dalam tempoh pembinaan.

### 2. **KERJA MEMBAIKI BAHU JALAN.**

- i. Kerja-kerja menggali dengan jentera yang sesuai dan membuang tanah seperti yang diarahkan PP atau item (ii) mana yang berkenaan.
- ii. Regrade dan meratakan bahu jalan dengan Motor Grader atau backhoe yang mana sesuai. Buang sampah, daun-daun dan bahan-bahan tidak diperlukan dan sebagainya ke lokasi yang diarahkan oleh PP.
- iii. Membekal, menghampar dan meratakan tanah merah atau batu campur mana yang berkenaan.
- iv. Padatkan bahu jalan yang telah ditambah dengan menggunakan jentera Tandem Roller.
- v. **TIDAK DIBENARKAN** melaksanakan kerja-kerja resurfacing sebelum kerja membaiki bahu jalan dan kerja membersihkan dan menyapu jalan sediaada menggunakan Power Broom selesai.

### 3. **KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA.**

Menyediakan peralatan jentera-jentera, tenaga kerja serta segala kelengkapan yang berkaitan untuk kerja-kerja membaiki dan dan membarumuka ubin jalan seperti berikut:

- i. Mechanical Paver dengan Automatic Levelling Device.
- ii. Steel Wheel Tandem Roller (8 – 10 Ton)
- iii. Pneumatic Tyre Roller (15 Ton)
- iv. Backpusher + Motorise Sparyer
- v. Backpusher + Power Broom
- vi. Lori Tipper
- vii. Mobilization dan Demobilization.

## SKOP DAN PROSES KERJA SA/5

### A. **KERJA-KERJA REGULATING DENGAN PREMIX AC28 DAN BATU CAMPUR**

- i. Regulate dengan bahan crusher run dan di padatkan dengan jentera tandem roller 8 ton di lokasi yang diarahkan PP.
- ii. Menyapu dan membersihkan permukaan jalan dari semua kekotoran, tanah yang melekat, batu-batu, pasir dan sebagainya dengan jentera power broom dan dibuang ke lokasi yang diarahkan oleh PP.
- iii. Spray Tack Coat dengan kadar semburan 0.5L/M<sup>2</sup> RS-1K dengan rata ke permukaan jalan dengan menggunakan Motorise Sprayer.
- iv. Regulate permukaan jalan yang beralun, tidak rata dan rosak dengan membekal dan menghampar “Asphaltic Concrete Binder Copurse” (AC28) menggunakan jentera “Asphaltic Paver” lengkap dengan “automatic Levelling Device” dengan kelajuan 5 – 10 Meter seminit dan dipadatkan mengikut spesifikasi menggunakan jentera “Steel Wheel Tandem Roller” 8 ton (Kelajuan maksima 5km/Jam) dan jentera “pneumatic Tyre Roller” 15 ton (Kelajuan maksima 8km/Jam).

- v. Kaedah pemadatan untuk regulate 2:2:8:2  
2 (Static Mode) : 2 (Vibrate Mode) : 8 (Pneumatic Tyre Roller) : 2 (Static Mode).

## B. KERJA-KERJA BINDER COURSE AC28

- i. Spray "Bituminous Emulsion Prime Coat" dengan kadar semburan 1.0L/M<sup>2</sup> jenis SS-1K dengan rata ke permukaan jalan menggunakan Motorise Sprayer.
- ii. Kerja-kerja menghampar hendaklah dilaksana setelah tempoh 24 jam permukaan di sembur.
- iii. Membekal dan menghampar "Asphaltic concrete Binder Course" (AC28) menggunakan jentera "Asphaltic Paver" lengkap dengan alat "Automatic leveling Device" dengan kelajuan 5 – 10 Meter Seminit dan dipadatkan mengikut spesifikasi menggunakan jentera "Steel Wheel Tandem Roller" 8 – 10 ton (Kelajuan maksima 5km/Jam) dan jentera "Pneumatic Tyre Roller" 15 Ton (Kelajuan maksima 8km/Jam).

## C. KERJA-KERJA WEARING COURSE / RESURFACING PREMIX AC 14.

- i. Spray Tack Coat dengan kadar semburan 0.5L/M<sup>2</sup> jenis RS-1K dengan rata ke permukaan jalan menggunakan Motorise Sprayer.
- ii. Membekal dan menghampar "Asphaltic Concrete Wearing Course" (AC 14) menggunakan jentera "Asphaltic Paver" lengkap dengan alat "Automatic Levelling Device" dengan kelajuan 5 – 10 Meter Seminit dan dipadatkan mengikut spesifikasi menggunakan jentera "Steel Wheel Tandem Roller" 8 – 10 ton (Kelajuan Maksima 5km/Jam) dan jentera "Pneumatic Tyre Roller" 15 Ton (Kelajuan Maksima 8km/Jam).
- iii. Kaedah pemadatan untuk resurfacing 2:2:8:2  
2 (Static Mode) : 2 (Vibrate Mode) : 8 (Pneumatic Tyre Roller) : Static Mode).
- iv. Suhu premix semasa regulate dan resurfacing:-
  - ✓ Atas Lori : 130 Darjah Celcius
  - ✓ Dalam Paver Hopper : 130 Darjah Celcius
  - ✓ Mula Kerja Pemadatan : 120 Darjah Celcius
  - ✓ Akhir Kerja Pemadatan : Sebelum Suhu Turun Ke 80 Darjah Celcius.
- v. Kaedah pemadatan untuk resurfacing 2:2:8:2  
2 (Static Mode) : 2 (Vibrate Mode) : 8 (Pneumatic Tyre Roller) : 2 (Static Mode)
- vi. Hanya dibuka kepada trafik setelah premix sejuk dan set tidak kurang dari 4 jam setelah kerja pemadatan.
- vii. Kawal air pada roller jentera pemadat (Hanya di benarkan sedikit sahaja untuk basahkan tayar supaya premix tidak melekat pada roller).
- viii. Tidak dibenarkan melaksanakan kerja-kerja premix pada waktu hujan dan dalam keadaan jalan berair.

## 4. UJIAN CORING DAN KEPADATAN (PREMIX)

Menyediakan mesin "Coring" tenaga buruh serta kelengkapan yang berkaitan untuk membuat ujian di tapak.

### i. UJIAN CORING

- a. Menyediakan Mesin Coring serta kelengkapannya.
- b. Menyediakan TMP semasa ujian dijalankan.
- c. Menyediakan mesin "Hand Handling Compactor"
- d. Melaksanakan Ujian sekurang-kurangnya setelah 24 jam kerja pemadatan.
- e. Diameter lubang ujian adalah 100mm dan lokasi dipilih oleh PP
- f. Lubang Ujian hendaklah ditutup semula dengan menggunakan "Asphaltic Concrete Cool Mix" dan dimampatkan dengan menggunakan mesin "Hand Handling Compactor".
- g. Ketebalan ujian hendaklah mencapai "required thickness" yang dinyatakan di dalam Bill Of Quantity.

## ii UJIAN PEMADATAN PREMIX

- a. Hendaklah dilaksanakan di Makmal yang bertauliah.
- b. Keputusan ujian pepadatan adalah seperti berikut:-
  - Wearing Course, 98% - 100% of Marshal Density
  - Binder Course, 95% - 100% of Marshal Density.

## 5. KERJA MEMBAIKI PERABUT JALAN

### a. Garisan Jalan

- Membekal semua kelengkapan peralatan dan pekerja mahir.
- Membekal dan menghampar garisan jalan berwarna putih 3.0mm tebal menggunakan bahan "All Wheather Thermoplastic" termasuk menabur kaca halus mengikut penentuan kerja dan melaksanakan ujian-ujian seperti berikut:-

Bil	Jenis Ujian	JKR Specification JKR/SPJ/2012-S6	Remarks
1	Ujian Coeficient Of Retroflected Luminance (RL) on Dry Condition	RL ≥ 300	Complied
2	Ujian Coeficient Of Retroflected Luminance (RL) on Wet Condition	RL ≥ 75	Complied
3	Ujian Coeficient Of Retroflected Luminance (RL) on Continuous Rain Condition	R L ≥ 75	Complied
4	Skid Resistance Test (SRT)	SRT ≥ 45	Complied

- Membekal dan menghampar "Yellow Transver Bar" serta kerja yang berkaitan.
- Semua kerja hendaklah mengikut JKR/SPJ/2012-S6

### b. Menggantikan Papan Tanda Jalan yang rosak

- i. Papan tanda nama jalan : No Lukisan :
- ii Papan tanda regulatory : Sila rujuk :ATJ 2A/85 (Lampiran 7)

**RUJUKAN UJIAN**

ITEM	DESCRIPTION OF WORKS	POINT OF INSPECTION / TEST	JKR STANDARD / REQUIREMENT	REMARKS
1	SUB BASE	Thickness	JKR/SPJ/2008-S4 CI 4.2.2.3 & Table 4.5.1	Dipping Method
		FDT* /In situ Compaction Test	JKR/SPJ/2008-S4 CI 4.2.2.3 Not Less than 95% max dry density	BS1377: Compaction Test
2	ROAD BASE	Thickness	JKR/SPJ/2008-S4 CI 4.2.2.3 & Table 4.5.1	Dipping Method
		FDT* /In situ Compaction Test	JKR/SPJ/2008-S4 CI 4.2.2.3 Not Less than 95% max dry density	BS1377: Compaction Test
3	BINDER COURSE	Thickness	JKR/SPJ/2008-S4 CI 4.3.3.5(j)	Measurement
		Density	JKR/SPJ/2008-S4 CI 4.3.3.5 Table 4.3.7 JKR/spj/2008-S4 CI 4.3.3.5i 95% - 100% Marshall Density	ASTM Test Method D1188 or ASTM Test Method D2726
		Bitumen Content / Marshall Test	JKR/SPJ/2008-S4 CI 4.3.3.3 Table 4.3.4	AC28 (3.5 – 5.5%) % by weight
4	WEARING COURSE	Thickness	JKR/SPJ/2008-S4 CI 4.3.3.5(j)	Measurement
		Density	JKR/SPJ/2008-S4 CI 4.3.3.5 Table 4.3.7 JKR/spj/2008-S4 CI 4.3.3.5i 98% - 100% Marshall Density	ASTM Test Method D1188 or ASTM Test Method D2726
		Bitumen Content / Marshall Test	JKR/SPJ/2008-S4 CI 4.3.3.3 Table 4.3.4	AC14 ( 4.0 – 6.0%) AC 10 (5.0 – 7.0%) % by weight

\*DT : Field Density Test

SURAT AKUAN PEMBIDA  
Bagi

49/2016

**KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA  
BERKAITAN DI JALAN MAAROF, SEKSYEN 0.00 HINGGA SEKSYEN 1.70  
DAERAH SABAK BERNAM, SELANGOR.**

Saya \_\_\_\_\_ nombor K.P. \_\_\_\_\_ yang  
mewakili \_\_\_\_\_

nombor Pendaftaran \_\_\_\_\_ dengan ini mengisytiharkan  
bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi  
rasuah kepada mana-mana individu dalam **JKR SABAK BERNAM** atau mana-mana individu lain, sebagai  
sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga \*seperti di atas,. Bersama-sama ini dilampirkan Surat  
Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar  
atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **JKR SABAK BERNAM** atau mana-mana  
individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebutharga \* seperti di atas, maka saya sebagai  
wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebutharga \* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga\* di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana  
individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender / sebutharga \*  
seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

-----

(Nama dan No.KP)(\_\_\_\_\_)

Cop Syarikat:Catatan :

\*Potong mana yang tidak berkaitan.



## SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

Bagi NO S/HARGA:49/2016**KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA  
BERKAITAN DI JALAN MAAROF, SEKSYEN 0.00 HINGGA SEKSYEN 1.70  
DAERAH SABAK BERNAM, SELANGOR.**

Saya \_\_\_\_\_ nombor K.P. \_\_\_\_\_  
yang mewakili \_\_\_\_\_ nombor Pendaftaran \_\_\_\_\_

dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **JKR SABAK BERNAM** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga \* seperti di atas,. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **JKR SABAK BERNAM** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebutharga \* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebutharga \* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebutharga\* di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

2. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender / sebutharga \* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

-----

( )

(Nama dan No.KP)

Cop Syarikat:

Catatan : \*Potong mana yang tidak berkaitan.

T/T Pembuka Sebutharga

T/T Pembuka Sebutharga

**BORANG SEBUT HARGA KERJA  
Sebut Harga Bil 49/2016**

Jurutera Daerah,  
JKR Sabak Bernam,  
45300 Sungai Besar,  
Selangor Darul Ehsan.

Tuan,

Sebut Harga untuk :

**KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA  
BERKAITAN DI JALAN MAAROF, SEKSYEN 0.00 HINGGA SEKSYEN 1.70  
DAERAH SABAK BERNAM, SELANGOR.**

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut Harga Syarat-syarat Am Sebutharga, spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia .....(RM).....

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa .....minggu dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Pegawai Inden.

Bertarikh pada..... haribulan 2016.

.....  
Tandatangan Kontraktor

.....  
Tandatangan Saksi

Nama Penuh:.....  
No. K/P:.....  
Alamat:.....  
.....  
.....  
.....

Nama Penuh:.....  
No. K/P:.....  
Alamat:.....  
.....  
.....  
.....

Atas Sifat:.....

.....  
(Meterai atau Cap Kontraktor)

## REKOD PENGALAMAN KERJA

BIL	NAMA KONTRAK / PROJEK DAN SKOP KERJA*	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK**	TARIKH MILIK TAPAK	TARIKH SIAP	
					KONTRAK	SEBENAR

\*\* Tempoh Kontrak hendaklah termasuk masa yang diluluskan

## SENARAI KERJA KONTRAK SEMASA

(Senarai semua kerja di dalam tangan / sedang berjalan dan belum siap termasuk kontrak y

BIL	NAMA KONTRAK / PROJEK DAN SKOP KERJA*	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK **	TARIKH MILIK TAPAK	TARIKH SIAP	
					Ikut Jadual (%)	Sebenarnya Dicapai (%)

\*\* Tempoh Kontrak hendaklah termasuk masa yang diluluskan

**MAKLUMAT AM LATAR BELAKANG PENTENDER**

1. Nama :.....
2. Alamat :.....  
.....  
.....
3. No.Telefon :.....
4. No. Faks :.....
5. Pendaftaran dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) (Sertakan salinan pendaftaran)
  - i. No. Pendaftaran :
  - ii. Tarikh Daftar :
  - iii. Kelas dan Tajuk / Tajuk Kecil :
  - iv. Taraf (Bumiputra / Bukan Bumiputra) :
  - v. Jika Bumiputra , tempoh sah taraf: Dari.....hingga.....
6. Ahli-ahli Syarikat
  - (i) Ahli-ahli Lembaga Pengarah

Nama	Jawatan	Saham Modal Dipegang

### SULIT

#### BORANG CA – LAPORAN BANK / INSTITUT KEWANGAN MENGENALI KEDUDUKAN KEWANGAN PENYEBUT HARGA

(Borang ini hendaklah dilengkapkan oleh pihak bank atau institusi kewangan lain dan diserahkan kepada penyebut harga dalam satu sampul berlakri untuk disertakan bersama-sama sebutharga sekiranya penyebut harga mempunyai kemudahan kredit dengan Bank / Institusi Kewangan yang berkenaan).

Kepada : .....

.....

.....

.....

(Jurutera Daerah)

Nama Penyebut Harga : .....

Projek :

(A) **Kemudahan Kredit** yang boleh digunakan untuk Pelaksanaan Projek:  
Kemudahan Kredit yang dilulus dan kemudahan kredit tambahan minimum yang layak diperolehi oleh Penyebut Harga seperti berikut;-

Bentuk Kemudahan Kredit	Baki drpd yang telah diluluskan	Tambahan Minima Yang Akan Diluluskan	Jumlah
i. Overdraf	RM	RM	RM
ii. Overdraf bercagar	RM	RM	RM
iii. Pinjaman Kredit	RM	RM	RM
iv. Pinjaman Tetap Yang Akan / layak di Perolehi Untuk Projek	RM	RM	RM
v.....	RM.....	RM.....	RM.....

(\* Jika Projek diawardkan kepada penyebut Harga)

(B) Ulasan-ulasan mengenai kedudukan kewangan dan akaun Pentender

Tandatangan untuk dan bagi pihak bank : .....

Nama Bank : ..... Nama Pegawai : .....

Materi Bank : ..... Jawatan : .....

## BORANG CA1

Ruj .Kami :

Tarikh:

.....  
.....  
.....  
.....

**(NAMA DAN ALAMAT BANK)**

Tuan,

**KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI  
JALAN MAAROF, SEKSYEN 0.00 HINGGA SEKSYEN 1.70 DAERAH SABAK BERNAM,  
SELANGOR.**

---

**Perkara:Kebenaran Untuk Mendapatkan Maklumat Kewangan (Akaun Bank).**

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Saya \_\_\_\_\_ selaku Pengarah bagi Syarikat \_\_\_\_\_ dengan ini memberi kebenaran kepada JKR Selangor/ Daerah Sabak Bernam untuk mendapatkan maklumat kewangan syarikat ini bagi tujuan penilaian tender/ sebutharga untuk projek di atas.

3. Sehubungan dengan itu, pihak tuan diminta untuk memberikan kerjasama dengan memberikan maklumat berkaitan kewangan terkini syarikat seandainya diperlukan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....  
.....

(Nama dan alamat syarikat)

***Nota: Surat ini hendaklah disertakan bersama-sama dengan dokumen tender sewaktu tarikh tutup tender/sebutharga.***